

MAKANAN HALAL DAN HARAM MENURUT PANDANGAN MAZHAB
SYAFI'I DAN IMAM GHAZALI: SATU SOROTAN

DY SYUKRIYAH BINTI HJ MARAWI
17MR704

PUSAT PENYELIDIKAN MAZHAB SYAFI'I
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
BRUNEI DARUSSALAM

1441H/2020M

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

MAKANAN HALAL DAN HARAM MENURUT PANDANGAN MAZHAB SYAFI'I DAN
IMAM GHAZALI: SATU SOROTAN

DY SYUKRIYAH BINTI HJ MARAWI
17MR704

TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT-SYARAT BAGI PROGRAM
SARJANA MAZHAB SYAFI'I (PENYELIDIKAN)

Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam

Sya'ban 1441H/April 2020M

PENYELIAAN

MAKANAN HALAL DAN HARAM MENURUT PANDANGAN MAZHAB SYAFI'I DAN
IMAM GHAZALI: SATU SOROTAN

DAYANG SYUKRIYAH BINTI HJ AWANG MARAWI
17MR704

Penyelia: Assoc. Prof Dr Nurdeng Deuraseh

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Dekan fakulti: Dr Azme bin Haji Matali

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

PENGESAHAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan ini saya mengaku bahawa kerja-kerja dalam tesis ini daripada saya sendiri kecuali untuk petikan dan ringkasan yang telah diperakui.

Tandatangan : _____

Nama : Dayang Syukriyah binti Hj Awang Marawi

No. Pendaftaran : 17MR704

Tarikh menghantar :

**PENGISYTIHARAN HAK CIPTA DAN PENGESAHAN BAGI PENGGUNAAN
SAKSAMA BAGI TESIS YANG TIDAK DITERBITKAN**

Hakcipta ©2020 oleh Dy Syukriyah binti Hj Marawi. Semua hak terpelihara.

**MAKANAN HALAL DAN HARAM MENURUT PANDANGAN MAZHAB SYAFI'I DAN
IMAM GHAZALI: SATU SOROTAN**

Tidak dibenarkan sebahagian daripada tesis ini diterbitkan, disimpan dalam sistem dapatan atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah ini:

1. Mana-mana bahan yang terkandung di dalam atau diperolehi dari tesis ini hanya boleh digunakan oleh orang lain dalam penulisan mereka dengan penghargaan yang sepatutnya.
2. Pihak UNISSA atau perpustakaan UNISSA mempunyai hak untuk membuat dan menghantar salinan (cetak dan elektronik) kepada pihak institusi dan bagi tujuan latihan ilmiah.
3. Perpustakaan UNISSA mempunyai hak untuk membuat, menyimpan salinan tesis ini dalam sistem dapatan semula dan membuat salinan ini jika diminta oleh pihak universiti dan bahagian rujukan yang lain.

Disahkan oleh Dayang Syukriyah binti Hj Awang Marawi.

.....

Tandatangan

.....

Tarikh

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur hanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan taufiq hidayahNya jua, pengkaji dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita iaitu Nabi Muhammad Shallallahu alaihi Wasallam, keluarga serta sahabat baginda.

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia pengkaji iaitu Assoc. Prof Dr Nurdeng Deuraseh kerana telah memberikan tunjuk ajar, nasihat dan sokongan yang berterusan sepanjang menulis tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan juga ucapan ribuan terima kasih kepada Rektor UNISSA, Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Timbalan Pengarah Pusat Pengajian Lulusan Ijazah dan para pensyarah kerana telah memberi kesempatan kepada pengkaji untuk meneruskan pengajian pengkaji di peringkat sarjana.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih kepada ayahanda dan bonda yang tercinta, Hj Marawi bin Hj Osman dan Hj Maimunah binti Hj Tamin kerana telah memberikan sokongan, nasihat dan doa mereka untuk anakanda.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan pengkaji yang tidak letih dalam memberikan nasihat, sokongan dan juga menyumbang buah fikiran kepada pengkaji dalam menyelesaikan penulisan tesis ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala membalas segala jasa mereka selama ini.

ABSTRAK

MAKANAN HALAL DAN HARAM MENURUT PANDANGAN MAZHAB SYAFI'I DAN IMAM GHAZALI: SATU SOROTAN

Halal dan haram dalam pemakanan merupakan salah satu isu yang dihadapi oleh masyarakat Brunei bahkan ia juga berlaku di negara luar. Pelbagai produk makanan telah dijual di kedai-kedai akan tetapi tidak semua daripada produk makanan tersebut mempunyai logo halal. Ini yang membuatkan segelintir masyarakat merasa ragu untuk membelinya kerana mereka tidak mengetahui status produk tersebut samaada halal atau haram. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan bagi memecahkan permasalahan tersebut melalui kitab Ihya Ulumuddin agar masyarakat mengetahui perbezaan halal dan haram terutama sekali dalam pemakanan dengan lebih jelas. Dalam kitab tersebut telah diterangkan secara terperinci tentang hukum halal dan haram. Oleh itu, matlamat kajian ini ialah mengenal pasti pandangan mazhab Syafi'i terhadap makanan halal dan haram. Ia juga menyentuh tentang pandangan Imam Ghazali mengenai dengan makanan halal dan haram. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan bagi memperolehi maklumat yang diperlukan. Data yang diperolehi itu dianalisis dengan menggunakan kaedah penerangan. Hasil kajian telah mendapati bahawasanya Imam Ghazali bersependapat dengan mazhab Syafi'i dari pelbagai aspek khususnya tentang makanan halal dan haram. Walau bagaimanapun, Imam Ghazali dan mazhab Syafi'i juga mempunyai pendapat khusus dalam menentukan hukum makanan halal dan haram. Kajian ini diharapkan agar dapat membantu masyarakat Brunei dalam memilih makanan yang halal dan juga dapat membezakannya antara halal dan haram.

ABSTRACT

HALAL AND NON-HALAL FOOD ACCORDING TO THE VIEWS OF SYAFI'I SCHOLAR AND IMAM GHAZALI: A HIGHLIGHT

Halal and non-halal in sustenance are one of the issues facing by the Brunei community even it is also happened in some of Muslim countries. Various food products have been sold in market but not all of them stated halal logos. It makes certain people in a doubt to buy because they did not know the status of the product either halal or non-halal. Therefore, this study needs to be conducted to resolve the issue through Ihya Ulumuddin's book so that people can differentiate between halal and non-halal more clearly especially in the sustenance. Furthermore, it has explained in details in regards to the ruling. Therefore, the aim of this study was to identify the Syafi'i scholar views on halal and non-halal foods as well as the view of Imam Ghazali. This study uses the library method to obtain the necessary information. The data obtained were analyzed using descriptive methods. The results of this study have found that Imam Ghazali is agreed with the Syafi'i scholar in various aspects. However, Imam Ghazali and Syafi'i scholar also have their own opinion in deciding the ruling. This study is expected to help Bruneian in choosing halal foods and also to distinguish between halal and non-halal.

ملخص

الأغذية الحلال والحرام عند الشافعية والإمام الغزالي: دراسة استعراضية

لا تعدّ قضية الحلال والحرام في الأغذية قضية يواجهها المجتمع البروناوي فحسب، بل هي قضية يواجهها المسلمون في بلدان أخرى. وكثير من المنتجات الغذائية تباع في الأسواق، ولكن ليس جميع هذه المنتجات يحتوى على شعار "حلال"؛ ولذلك، يتردد بعض الناس في شراء هذه المنتجات؛ لأنهم لا يعرفون ما إذا كانت حلالاً أم حراماً. وهذه الدراسة تهدف إلى معالجة هذه القضية بالإشارة إلى كتاب إحياء علوم الدين حتى يعرف الناس الفرق بين الحلال والحرام بشكل أوضح، خاصة في قضية الحلال والحرام في الأغذية. ويوضح هذا الكتاب أحكام الحلال والحرام؛ ولذلك، تهدف هذه الدراسة إلى معرفة آراء الشافعية والإمام الغزالي في هذه القضية. وتستخدم هذه الدراسة منهج البحث المكتبي لجمع البيانات، ثم تحليلها عن طريق الشرح والتحليل. ونتيجة لذلك، توصلت هذه الدراسة إلى أن الإمام الغزالي والشافعية لديهم الآراء نفسها في النواحي المختلفة إلا أن لديهم رأياً خاصاً في تحديد أحكام الأغذية الحلال والحرام. وتسعى هذه الدراسة إلى مساعدة المجتمع البروناوي في اختيار الأغذية الحلال والتمييز بين الحلال والحرام.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENYELIAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PENGISYTHARAN	v
PENGHARGAAN	vi
ABSTRAK	vii
ISI KANDUNGAN	x
SENARAI SINGKATAN	xiii
PANDUAN HURUF TRANSLITERASI	xiv
SENARAI AYAT-AYAT AL-QUR'AN	xv

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Permasalahan Kajian	4
1.4	Persoalan Kajian	5
1.5	Objektif Kajian	5
1.6	Kajian Lepas	6
1.7	Kepentingan Kajian	13
1.8	Skop Kajian	13
1.9	Metodologi Kajian	14
1.10	Kerangka Kajian	15
1.11	Kesimpulan	16

BAB 2

Pandangan Mazhab Syafi'i Terhadap Makanan Halal dan Haram

2.1	Pendahuluan	17
2.2	Asas Makanan Halal dan Haram	18

2.2.1	Asas pertama: Hukum memakan binatang	18
2.2.1.1	Binatang yang halal dimakan	18
2.2.1.2	Binatang yang diharamkan untuk dimakan	32
2.2.2	Asas kedua: Binatang buas	44
2.2.3	Asas ketiga: Binatang yang disunatkan untuk dibunuh	46
2.3	PENGECUALIAN HUKUM KETIKA DARURAT	48
2.4	BEBERAPA CONTOH KEADAAN DARURAT	54
2.5	KEUTAMAAN MEMAKAN JENIS MAKANAN KETIKA DALAM DARURAT	55
2.6	KADAR MEMAKAN MAKANAN DALAM KEADAAN DARURAT	56
2.7	MEMAKAN BUAH-BUAHAN DI DALAM KEBUN MILIK ORANG LAIN	57
2.8	PENYEMBELIHAN BANI ISRAIL	59
2.9	MAKANAN YANG DIHARAMKAN OLEH ORANG MUSYRIK	62
2.10	MAKANAN YANG BERCAMPUR DENGAN NAJIS	68
2.11	JANIN DALAM KANDUNGAN BINATANG	70
2.12	BINATANG YANG TIDAK DISEBUTKAN DI DALAM NAS	72
2.13	BINATANG BURUAN	74
2.13.1	Dalil bagi Binatang Buruan	75
2.13.2	Rukun Perburuan beserta Syarat-Syaratnya	80
2.13.2.1	Syarat-Syarat bagi Pemburu	80
2.13.2.2	Syarat-Syarat bagi Binatang Buruan	82
2.13.2.3	Syarat-Syarat bagi Alat Perburuan	85
2.13.3	Beberapa Permasalahan berkaitan dengan Perburuan	94
2.14	MEMAKAN DAGING BINATANG YANG DISEMBELIH SELEPAS MENGALAMI KEMALANGAN	104

BAB 3

PANDANGAN IMAM GHAZALI MENGENAI HALAL DAN HARAM

3.1	PENDAHULUAN	106
3.2	SEJARAH KEHIDUPAN IMAM GHAZALI	106
3.3	KARYA DAN HASIL PENULISAN IMAM GHAZALI	114
3.3.1	Karya-Karya Fiqh Imam Ghazali	114
3.3.2	Fatwa Imam Ghazali	117
3.3.3	Karya-Karya Tauhid Imam Ghazali	118

3.3.4	Karya-Karya Ikhtilaf Imam Ghazali	121
3.3.5	Karya-Karya Tasauf Imam Ghazali	122
3.3.6	Karya-Karya Nasihat Imam Ghazali	123
3.4	PANDANGAN IMAM GHAZALI MENGENAI DENGAN MAKANAN HALAL	124
3.5	PANDANGAN IMAM GHAZALI MENGENAI DENGAN MAKANAN HARAM	129
3.6	BAHAGIAN HALAL DAN HARAM	143
3.7	PANDANGAN IMAM GHAZALI MENGENAI DENGAN SYUBHAT	147

BAB 4

PENDAPAT IMAM GHAZALI DALAM MAZHAB SYAFI'I DAN PENDAPAT KHUSUS DI ANTARA MAZHAB SYAFI'I DAN IMAM GHAZALI TENTANG MAKANAN HALAL DAN HARAM

4.1	PENDAHULUAN	158
4.2	PENDAPAT IMAM GHAZALI DALAM MAZHAB SYAFI'I	158
4.2.1	Syarat-syarat bagi penyembelih	159
4.2.2	Syarat-syarat bagi alat untuk menyembelih binatang	165
4.2.3	Syarat-syarat bagi penyembelihan binatang	169
4.3	PENDAPAT KHUSUS ANTARA MAZHAB SYAFI'I DAN IMAM GHAZALI	178
4.3.1	Pendapat khusus mazhab Syafi'i	178
4.3.2	Pendapat khusus Imam Ghazali	182

BAB 5

PENUTUP

5.1	KESIMPULAN KAJIAN	187
5.2	SARANAN KAJIAN	193
	RUJUKAN	201

SENARAI SINGKATAN

hlm. : Halaman.

t.t : Tanpa Tarikh, bahan yang dirujuk tidak mempunyai tahun terbitan yang jelas.

Ibid : *Ion Beam Induced Deposition*, sama rujukan dengan nota kaji yang sebelumnya.

Sdn. Bhd. : Sendirian berhad.

Jil. : Jilid

PANDUAN HURUF TRANSLITERASI

Arab	Latin	Arab	Latin
ا	A	ض	ḍ
ب	B	ط	ṭ
ت	T	ظ	ẓ
ث	Th	ع	‘a
ج	J	غ	Gh
ح	ḥ	ف	F
خ	Kh	ق	Q
د	D	ك	K
ذ	Dh	ل	L
ر	R	م	M
ز	Z	ن	N
س	S	و	W
ش	Sh	ه	H
ص	ṣ	ء	’
Vokal panjang		ي	Y
ا	Ā/ā		
و	Ū/ū		
ي	Ī/ī		

SENARAI AYAT-AYAT AL-QUR'AN

NO. AYAT	SURAH DAN AYAT	HALAMAN
Surah al-Baqarah		
29	﴿هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا...﴾	125, 182
168	﴿يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوتَ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ﴾	126, 193
172	﴿يَأْتِيهَا النَّيْنُ ءَامُرًا كُلُّوا مِمَّا رَزَقَكُمُ...﴾	127
173	﴿إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالنَّمَّ وَالْحَمَّ الْخَنِزِيرِ وَمَا أَهَىٰ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ...﴾	50
	﴿... فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ...﴾	56
195	﴿... وَلَا تَتَّبِعُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ...﴾	52, 129
Surah an-Nisā		
10	﴿إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظَالِمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا﴾	199
29	﴿... وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا﴾	49
160	﴿فَبِظُلْمٍ مِّنَ الَّذِينَ هَانُوا حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ طَيِّبَاتٍ...﴾	59
Surah al-Mā'idah		
1	﴿... أَحَلَّتْ لَكُمْ بَهِيمَةَ الْأَنْعَامِ إِلَّا مَا يُسَىٰ عَلَيْكُمْ غَيْرَ مُجْبَى الصَّيِّدِ وَأَنْتُمْ حُرُمٌ...﴾	17

2	﴿.. وَإِذَا خَلْتُمْ فَاصْطَادُوا ..﴾	78, 82
3	﴿حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهِلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبْعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ ...﴾	32, 134, 181
	﴿.. فَمَنْ اضْطُرَّ فِي مَحْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمِهِ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾	49
	﴿حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ ... وَمَا أُهِلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ ...﴾	138
	﴿... إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ ...﴾	160
	﴿حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهِلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبْعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ ...﴾	175
4	﴿يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ اللَّهُ فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ﴾	75
	﴿.. وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ اللَّهُ فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ ...﴾	77
	﴿.. أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ اللَّهُ فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ ...﴾	88
	﴿.. مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ ...﴾	90
	﴿.. فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ ..﴾	99
5	﴿.. وَطَعَامُ النَّيْنِ أُوتُوا الْكُفَّابَ حِلًّا لَّكُمْ ..﴾	159, 176
77	﴿قُلْ يَا أَيُّهَا الْكُفَّابُ لَا تَعْلُوا ...﴾	52

88	﴿وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ﴾	126
90	﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْحَرَمُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلُمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ...﴾	198
	﴿... لَا تَقْتُلُوا الصَّيِّدَ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ...﴾	83
95	﴿... لَا تَقْتُلُوا الصَّيِّدَ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ وَمَنْ قَتَلَهُ مِنْكُمْ مُتَعَمَّداً فَجَزَاءٌ مِّمَّا قَتَلَ مِنَ النَّعَمِ...﴾	103
	﴿أُحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ...﴾	28
96	﴿وَحُرْمٌ عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرْمًا...﴾	47, 163, 165
	﴿أُحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَاعًا لَّكُمْ وَالسِّيَّارَةُ وَحُرْمٌ عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرْمًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْتَسِرُونَ﴾	102
103	﴿مَا جَعَلَ اللَّهُ مِنْ بَحِيرَةٍ وَلَا سَائِبَةٍ وَلَا وَصِيَّةٍ وَلَا حَامٍ...﴾	62
Surah al-An'ām		
91	﴿... فُلِيَ اللَّهُ ثُمَّ نُرَهُمْ فِي خَرَاصِهِمْ يَتَعَبُونَ﴾	145
118	﴿فَكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ...﴾	175
138	﴿وَقَالُوا هَذِهِ أَنْعَمٌ وَحَرَّتْ جِجْرٌ لَا يَطْعَمُهَا إِلَّا مَنْ نَشَاءُ بِزَعْمِهِمْ...﴾	67
139	﴿وَقَالُوا مَا فِي بُطُونِ هَذِهِ الْأَنْعَمِ خَالِصَةٌ لِّذُكُورِنَا وَمُحَرَّمٌ عَلَىٰ أَزْوَاجِنَا...﴾	67
140	﴿قَدْ خَسِرَ الَّذِينَ قَتَلُوا أَوْلَادَهُمْ سَفَهًا بِغَيْرِ عِلْمٍ وَحَرَّمُوا مَا رَزَقَهُمُ اللَّهُ افْتِرَاءً عَلَى اللَّهِ قَدْ ضَلُّوا وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ﴾	66

145	﴿قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ...﴾	25
	﴿قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا...﴾	74
146	﴿وَعَلَى الَّذِينَ هَانُوا حَرَمَنَا كَيْ ذِي ظُفْرٍ وَمِنَ الْبَعْرِ وَالْغَنَمِ حَرَمَنَا عَلَيْهِمْ سُحْرُومَهُمَا إِلَّا مَا حَمَلَتْ ظُهُورُهُمَا أَوِ الْحَوَايَا أَوْ مَا اخْتَلَطَ بِعَظْمٍ ذَلِكَ جَزَيْنَهُمْ بِبَعْغِهِمْ وَإِنَّا لَصَادِقُونَ﴾	60
Surah al-A'rāf		
31	﴿...وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ﴾	194
157	﴿... وَيَجِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبُ وَيَحْرَمُ عَلَيْهِمُ الْخَبِيثَ...﴾	1, 73, 140
	﴿... وَيَحْرَمُ عَلَيْهِمُ الْخَبِيثَ...﴾	36, 136, 142, 181
Surah an-Nahl		
80	﴿وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِّنْ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِّنْ جُدُودِ الْأَنْعَامِ بُيُوتًا تَسْتَخِرُونَهَا يَوْمَ طَعَنَكُمْ وَيَوْمَ إِقَامَتِكُمْ وَمِنْ أَصْوَابِهَا وَأَوْبَارِهَا وَأَشْعَارِهَا أَتْنَا وَمَتَعْنَا إِلَىٰ حِينٍ﴾	135
Surah al-Hajj		
30	﴿... وَأُحِلَّتْ لَكُمْ الْأَنْعَامُ إِلَّا مَا يُسْأَلُ عَلَيْكُمْ...﴾	68
36	﴿... فَادْكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صَوَافٍ...﴾	173
	﴿... فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا فَكُلُوا مِنْهَا...﴾	26, 179
78	﴿... وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي النَّيْنِ مِنْ حَرَجٍ...﴾	153
Surah al-Mu'minūn		
51	﴿... كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا...﴾	127
	﴿يَأْتِيهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا...﴾	195

Surah an-Nūr		
61	﴿... وَلَا عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَنْ تَأْكُلُوا مِنْ بُيُوتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ آبَائِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أُمَّهَاتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ إِخْوَانِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَخَوَاتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَعْمَامِكُمْ أَوْ بُيُوتِ عَمَّاتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ إِخْوَانِكُمْ أَوْ بُيُوتِ خَالَاتِكُمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ أَوْ صَدِيقِكُمْ...﴾	59
Surah Luqmān		
20	﴿الَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَهُ ظُهْرًا وَبَاطِنًا...﴾	125
Surah al-Jātsiah		
13	﴿وَسَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ...﴾	125
Surah 'Abasa		
24	﴿فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ إِلَىٰ طَعَامِهِ﴾	196
Surah al-Kautsar		
2	﴿فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ﴾	170

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Agama Islam sangat menitikberatkan halal dan haram dari semua aspek iaitu makanan, minuman, pakaian dan sebagainya. Umat Islam perlu mematuhi segala apa yang diperintahkan dan menjauhi segala larangan Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagaimana termaktub dalam surah Al-A'raf ayat 157,

..... وَيُحِنُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ ١٥٧

Tafsirnya:

".... dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk....".²

¹ Al-Qur'an. Surah Al-A'raf: 157.

² (2014). *Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya*. Negara Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.

Dalam hadis ada juga menyebutkan,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْلَمُوا صَالِحًا. وَقَالَ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبُّ يَا رَبُّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَسْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغَدَى بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابَ لَهُ³

Terjemahannya:

Dari Abu Hurairah Radhiallahu anhu, ia berkata, “Rasullulah Shallallahu Alaihi Wasallam bersabda, sesungguhnya Allah itu baik, tidak menerima kecuali yang baik. Dan sesungguhnya Allah telah memerintahkan pada orang – orang mukmin seperti apa yang telah diperintahkan-Nya kepada Rasul, maka Allah berfirman: Hai para Rasul, makanlah kamu semua dari sesuatu yang baik dan berbuatlah kamu yang baik. Dan firman Allah yang lain: Hai orang – orang yang beriman, makanlah kamu semua dari sebaik – baik apa yang telah Ku-rezekikan kepadamu. Kemudian Nabi Shallallahu Alaihi Wasallam menceritakan seseorang lelaki yang telah jauh perjalanannya dengan rambutnya yang kusut, kotor, penuh debu, yang menadahkan kedua tangannya seraya berkata (berdo'a): Wahai Tuhanku, sedangkan makanannya haram minumannya haram, pakaiannya haram dan dikenyangkan barang yang haram, mana mungkin ia akan dikabulkan doanya?”.

Semua makanan yang ada di bumi ini adalah halal untuk dimakan kecuali ada perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Umat Islam hendaklah

³ Muslim, Abu Husain Muslim bin Hajjaj Al Qusyairi An Naisaburi. (2002). *Shāhiḥ Muslim*. Beirut: Darl Ibn Hazm. hlm. 407-408. No hadith. 1015.

memakan makanan yang halal dan menjauhi segala apa yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana salah satu antara sebabnya ialah doa akan dimakbulkan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Memakan makanan yang halal akan menjamin kesihatan seseorang dari segi jasmani dan rohani. Namun, apabila seseorang memakan makanan yang haram maka dia akan mudah diserang pelbagai penyakit. Kenyataan ini juga disebutkan dalam utusan harian yang menyatakan orang Islam hendaklah prihatin dalam menjaga pemakanan mereka dengan memakan makanan yang bersih dan halal. Mereka dilarang memakan makanan yang diharamkan demi menjaga kesihatan fizikal dan mental. Sebenarnya pengharaman sesetengah jenis makanan itu ada hikmah dan rahsia di sebaliknya. Bukanlah diharamkan itu kerana suka-suka tetapi bertujuan menghindarkan diri daripada pelbagai kemudaratan seperti penyakit, keracunan, buta mata hati dan sebagainya.

Umat Islam perlu meneliti makanan yang dimakan oleh mereka kerana ia membabitkan amal ibadat seseorang. Sepertimana ada disebutkan dalam utusan online yang menyatakan seseorang yang memperoleh pendapatan yang haram. Lalu menggunakannya untuk makan dan minum, membeli pakaian, rumah dan kenderaan. Ia akan menyebabkan doa yang dipanjatkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala terhijab dan tidak diterima.

Ini berdasarkan sebuah hadis:

ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبِّ يَا رَبِّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ
وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ⁴

Terjemahannya:

⁴ Muslim, Abu Husain Muslim bin Hajjaj Al Qusyairi An Naisaburi. (2002). *Shahih Muslim*. Beirut: Darl Ibn Hazm. hlm. 408. No hadith. 1015.

“Seorang pemuda yang bermusafir dalam perjalanan yang jauh, hal rambutnya kusut masai, mukanya berdebu di mana dia mengangkat tangan ke langit: Wahai Tuhanku...wahai Tuhanku... sedangkan makanannya haram, minumannya haram dan pakaiannya haram. Dan dia dibesarkan dengan memakan makanan haram maka bagaimana Kami mahu mengabulkan doanya”.

Imam Ghazali juga ada menyebutkan di dalam kitabnya yang bertajuk Ihya Ulumuddin mengenai dengan hadis yang menceritakan tentang seseorang yang tidak diterima amal ibadatnya kerana memakan makanan yang haram. Hadis tersebut adalah diriwayatkan bahwa Sa’ad memohon kepada Rasulullah Shallallahu alaihi Wassalam agar memohon kepada Allah Ta’ala supaya menjadikan doanya mustajab.⁵

Antara sebab pengkaji ingin mengkaji kitab Ihya Ulumuddin ialah Imam Ghazali mengupas mengenai dengan halal dan haram secara meluas. Selain itu, Imam Ghazali membahagikan halal dan haram kepada beberapa tingkatan iaitu pertama, wara’ orang-orang yang adil. Kedua, wara orang-orang soleh. Ketiga, sesuatu yang tidak diharamkan oleh fatwa dan tidak ada syubhat tentang kehalalannya. Terakhir, tidak mengapa jika dikerjakan dan juga tidak ditakuti membawa kepada kemudharatan. Oleh sebab itu, pengkaji berminat untuk meneliti dan mengkaji lebih mendalam lagi mengenai dengan tingkatan tersebut.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Halal dan haram merupakan salah satu perkara yang penting bagi umat Islam kerana mereka menghadapinya hampir setiap hari. Salah satunya ialah makanan yang mereka makan setiap hari. Oleh itu, perlunya mereka ketahui pentingnya halal dan haram tentang makanan kerana ia boleh memberikan kesan terhadap jasmani dan juga rohani. Ia mungkin

⁵ Ghazali. (1995). *Ringkasan Ihya Ulumuddin*. Zaid Husein Al Hamid (terj.). Jakarta: Pustaka amani. hlm. 116.

terlihat mudah untuk menentukan makanan halal dan juga haram. Walaubagaimanapun, kemudahan itu akan bertukar menjadi sukar untuk menentukan manakah yang halal atau haram atau bahkan syubhat antara keduanya atau terjadi percampuran antara halal dan juga haram. Dalam hal ini, Imam Ghazali berperanan dalam menjelaskan perihal halal dan haram sebagaimana yang diterangkan di dalam kitabnya Ihya Ulumuddin.

Segelintir masyarakat merasa ragu akan sesetengah makanan yang dijual di kedai-kedai kerana terdapat sesetengah daripadanya tidak mempunyai logo halal. Ia boleh membuat segelintir masyarakat ragu untuk memakannya kerana mereka tidak mengetahui status makanan tersebut samaada halal atau haram. Oleh itu, pengkaji berminat ingin mengetahui hukum disebalik permasalahan tersebut melalui buku Ihya Ulumuddin yang dikarang oleh Imam Ghazali. Antara sebab pengkaji memilih buku Ihya Ulumuddin sebagai salah satu dasar kajian pengkaji kerana Imam Ghazali telah membahagikan halal dan haram menjadi beberapa tingkatan dan setiap tingkatan tersebut mempunyai penjelasan tersendiri mengenai dengan makanan halal dan haram.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah pandangan mazhab Syafi'i mengenai dengan makanan halal dan haram?
2. Apakah pendapat Imam Ghazali tentang makanan halal dan haram berdasarkan kitab Ihya Ulumuddin?
3. Bagaimanakah pendapat Imam Ghazali dalam mazhab Syafi'i tentang penyembelihan binatang?
4. Apakah pendapat khusus mazhab Syafi'i dan Imam Ghazali tentang makanan halal dan haram?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti pandangan mazhab Syafi'i mengenai dengan makanan halal dan haram.

2. Menganalisis pendapat Imam Ghazali tentang makanan halal dan haram berdasarkan kitab Ihya Ulumuddin.
3. Merumus pendapat Imam Ghazali dalam mazhab Syafi'i tentang penyembelihan binatang.
4. Menjelaskan pendapat khusus antara mazhab Syafi'i dan Imam Ghazali tentang makanan halal dan haram.

1.6 KAJIAN LEPAS

Makanan halal merupakan makanan yang dibenarkan oleh Islam untuk dimakan oleh umat Islam di samping ia memberikan kesan yang positif pada kesihatan. Oleh itu, apabila umat Islam mengamalkan memakan makanan yang diharamkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala maka ia akan memberikan kesan yang negatif pada rohani iaitu Allah Subhanahu Wata'ala tidak menerima doa yang mereka panjatkan.⁶ Ibnu Abbas Radhiallahu anhu berkata,

لا يقبل الله صلاة امرئ في جوفه حرام⁷

“Allah Subhanahu Wata'ala tidak berkenan menerima solat seorang hamba selama di dalam perutnya masih terdapat makanan yang diharamkan”.

Berikut adalah daripada jurnal, latihan ilmiah dan artikel yang ada kaitannya dengan tajuk pengkaji:

Kajian jurnal asas yang bertajuk *Halal Dan Haram Menurut Al- Ghazali Dalam Kitab Mau'idhotul Mukminin* yang dihasilkan oleh Sucipto (2012)⁸ membincangkan al-Ghazali telah membahagikan halal haram secara umum menjadi dua bahagian. Pertama,

⁶ Abdulhamid Zahwan. (1995). *Keutamaan mencari rezeki yang halal dan tercelanya rezeki yang haram*. Solo: Cv. Pustaka Mantiq. hlm. 23.

⁷ Muhammad bin Muhammad Abu Hamid al-Ghazali. (1990). *Mukhtasar Ihyā 'Ulūmuddin*. Beirut: Mu-assasatul kutubis saqafiyah. hlm. 99.

⁸ Sucipto, (2012), Halal Dan Haram Menurut Al- Ghazali Dalam Kitab Mau'idhotul Mu'minin, *Jurnal asas*. 4(1). Diperolehi daripada <http://ejournal.radenintan.ac.id/index.php/asas/article/view/1671/1392>.

suatu benda itu dikatakan haram kerana hakikat dan keadaan benda itu sendiri. Kedua, suatu benda dikatakan haram kerana sebab lain yang baru datang atau cara memperolehnya. Harta benda yang haram kerana adanya sifat dalam zat benda itu sendiri yang ada di muka bumi terbahagi kepada tiga bahagian. Pertama, hasil tambang iaitu segala sesuatu yang dikeluarkan dari bumi (benda mati). Benda-benda seperti ini diharamkan untuk memakannya jika ia membahayakan tubuh atau jiwa manusia seperti gas beracun. Kedua, tumbuh-tumbuhan iaitu halal dimakan kecuali tumbuh-tumbuhan yang dapat menghilangkan akal manusia seperti ganja dan khamr. Selain itu, tumbuh-tumbuhan yang menghilangkan nyawa manusia seperti tumbuh-tumbuhan yang mengandungi racun dan yang boleh merosakkan kesihatan manusia seperti memakan ubat bukan pada waktunya. Ketiga, binatang. Ia terbahagi menjadi dua bahagian iaitu binatang yang halal dimakan dan binatang yang diharamkan untuk dimakan. Binatang yang halal tetap menjadi halal apabila cara penyembelihan, syarat-syarat penyembelih, alat penyembelihan dan tempat itu mengikut sebagaimana yang ditetapkan dalam Islam. Binatang yang tidak disembelih mengikut ajaran Islam atau mati dengan sendiri adalah haram dimakan kecuali ikan dan belalang. Selain daripada itu, al-Ghazali mengemukakan bahawa menjaga kesucian (wara') itu terbahagi kepada empat tingkat. Pertama, wara' orang yang menjaga kesucian diri dari melakukan keharaman sesuai dengan apa yang dikatakan oleh ulama (wara'ul 'udul). Kedua, orang yang menjaga kesucian diri dari segala yang menjurus ke arah haram walaupun fatwa ulama membolehkan hal itu (wara'us ṣālihin). Ketiga, orang yang menghindari perkara yang diputus tidak haram dan tidak syubhat kehalalannya oleh mufti (wara'ul muttaqin). Keempat, orang yang menjaga diri dari sesuatu yang tidak berbahaya dan tidak mengkhawatirkan timbulnya bahaya tetapi dalam memperoleh sesuatu bukan atas dasar taqwa kepada Allah atau menjurus kepada hal-hal maksiat.

Kajian ini lebih menyumbang kepada pendapat Imam Ghazali mengenai halal dan haram dalam kitabnya yang bertajuk *Mau'azhotul Mu'minin*. Lebih banyak menjelaskan mengenai dengan bahagian halal haram dan juga hubungkaitnya dengan sifat wara'. Manakala, kajian pengkaji memfokuskan tentang pandangan mazhab Syafi'i terhadap makanan halal dan haram. Kajian tersebut dapat membantu pengkaji dalam menambah pengetahuan mengenai halal dan haram menurut Imam Ghazali.

Kajian latihan ilmiah yang bertajuk *Konsep Halal Dan Haram Dalam Islam: Studi Komparatif Antara Fuqaha dan Imam Al-Ghazali* yang ditulis oleh Abror dan Mashadi (2012)⁹ menerangkan pengkaji hendak memecahkan permasalahan-permasalahan yang timbul mengenai dengan halal haram menurut Imam Ghazali dan juga fuqaha dengan menggunakan metod perbandingan. Kriteria halal dan haram banyak dibahaskan oleh para ahli hukum. Para fuqaha membahagikan halal menjadi dua bahagian iaitu halal dari segi zatnya dan halal dari segi memperolehinya. Makanan yang dimakan oleh manusia itu berasal dari sumber asasnya iaitu daripada tumbuh-tumbuhan dan binatang. Tidak ada larangan dalam memakan tumbuh-tumbuhan kecuali apabila ia mengandungi racun yang membawa kepada kemudharatan tubuh badan. Memakan binatang itu mempunyai peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi iaitu adanya cara penyembelihan yang telah diajarkan oleh Islam. Bahkan tidak semua binatang dapat dimakan oleh manusia kerana adanya binatang yang telah diharamkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk dimakan. Manakala, Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya Ulumuddin* tidak menerangkan dengan terperinci mengenai halal dan haram. Bahkan Imam al-Ghazali menasihatkan untuk mentelaah kitab-kitab fiqh berkenaan dengan halal. Ini bermakna Imam Ghazali bersetuju dengan apa yang dijelaskan oleh para fuqaha tentang kriteria halal dan haram. Selain itu, para fuqaha membahagikan haram menjadi dua bahagian iaitu *haram lidzatihi* dan *haram lighairihi*. *Haram lidzatihi* ialah haram pada asalnya seperti bangkai, khamar, berjudi, membunuh dan sebagainya. Sementara, *haram lighairihi* ialah sesuatu yang dibolehkan dalam Islam namun ia memberikan mudharat kepada manusia maka ia menjadi haram seperti daging pada asalnya adalah halal akan tetapi daging itu diperolehi dari hasil mencuri atau tidak disembelih dengan nama Allah Subhanahu Wata'ala maka ia akan menjadi haram. Imam al-Ghazali pula membahagikan harta itu haram kerana 'ain (zatnya) atau cara memperolehinya.

Kajian ini lebih memfokuskan kepada konsep halal haram menurut pandangan Imam Ghazali dan fuqaha. Terdapat tidak ada perbezaan antara keduanya dalam menjelaskan mengenai dengan konsep halal haram. Manakala, kajian pengkaji

⁹ Abror dan Mashadi. (2012). "Konsep Halal Dan Haram Dalam Islam: Studi Komparatif Antara Fuqaha dan Imam Al-Ghazali." Tesis Sarjana, Program Studi Ilmu Keislaman Konsentrasi Shariah, Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya.

memfokuskan tentang pandangan mazhab Syafi'i terhadap makanan halal dan haram. Kajian tersebut mempunyai kaitan dengan kajian pengkaji di mana pengkaji ingin menjelaskan mengenai dengan konsep halal haram menurut pandangan Imam Ghazali.

Kajian buku yang bertajuk Penyelidikan tentang makanan: Perspektif Nabawi dan saintifik di bawah bab yang bertajuk *Budaya Makanan Dan Pemakanan Halal Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Islam* yang ditulis oleh Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin (2016)¹⁰ menegaskan pola budaya makanan yang berbeza ini dipengaruhi oleh kepercayaan dan pegangan agama di samping dari segi etnik, geografi, iklim dan persekitaran. Al-Qur'an dan as-Sunnah menjadi pegangan masyarakat dalam pembentukan budaya masyarakat. Walaubagaimanapun, budaya mereka ini tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Di Malaysia pula terdapat pelbagai budaya makanan di samping tetap mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh agama. Pengaruh Uruf mempunyai persepsi yang berbeza yang mana terdapat sebilangan mereka menganggap memakan dhab itu adalah kotor. Sebaliknya, terdapat juga sebilangan daripada mereka menganggapnya sebagai makanan yang lezat. Penghasilan produk seperti kicap adalah berdasarkan dari pengetahuan mereka kerana pada masa tersebut, mereka tidak mempunyai peralatan yang canggih dalam membuat produk tersebut dan juga tempat menyimpannya. Selain daripada itu, makanan yang dianggap kotor oleh sebilangan masyarakat lain seperti belacan, tempoyak, budu dan sebagainya menjadi makanan yang dimakan oleh mereka ketika musim tengkujuh. Citarasa makanan yang dibentuk oleh mereka adalah terpengaruh daripada pandangan mazhab Syafi'i berbanding dengan mazhab-mazhab yang lain. Selain itu, terdapat juga kaum lain menikmati makanan daripada kaum lainnya seperti kaum Cina dan India menikmati hidangan makanan daripada kaum melayu iaitu roti canai, kueh teow dan sebagainya. Sebaliknya kaum melayu pula menikmati makanan daripada mereka dengan bersyarat iaitu kaum Cina tidak boleh memasukkan khinzir ke dalam masakan yang akan dihidang kepada kaum melayu. Kaum India pula tidak boleh dihidangi kari daging

¹⁰ Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin. (2016). *Budaya Makanan Dan Pemakanan Halal Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Islam*. In Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Khadher Ahmad dan Monika @ Munirah Abd Razzak (Eds.) *Penyelidikan tentang makanan: Perspektif Nabawi dan Saintifik*. hlm. 195-206. Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

RUJUKAN

Al-Qur'ān al Karīm

Rujukan Arab

Abi Abdullah Muhammad bin Ismail al-Bukhari. (2009). *Shāḥiḥ Bukhāri*. Beirut: Darl Ibn Hazm.

Abu Husain Muslim bin Hajjaj Al Qusyairi An Naisaburi. (2002). *Shāḥiḥ Muslim*. Beirut: Darl Ibn Hazm.

Abi Abdurrahman Ahmad bin Syuaib bin Ali al-Khurasani Al-Nasā'ī. (2005). *Sunan Nasā'ī*. Beirut: Dar al-kotob al-ilmiyah.

Abi Abdurrahman Ahmad bin Syuaib bin Ali al-Khurasani Al-Nasā'ī. (2009). *Sunan Nasā'ī*. Lebanon: Dar al-kotob al-Ilmiyah.

Abi Abdullah Muhammad bin Yazid bin Majah ar-Raba'i Al-Qazwini. (2013). *Sunan Ibnu Mājah*. Lobnan: Daralnawader.

Abi Abdullah Muhammad bin Yazid Al-Qazwini. (2012). *Sunan Ibnu Mājah*. Beirut: Darl Ibn Hazm.

Abi Abdullah Muhammad bin Yazid Al-Qazwini. (2005). *Sunan Ibnu Mājah*. Qaherah: Darel hadith.

Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa at-Tirmidzi. (2010). *Sunan Tirmidhi*. Beirut: Darl Ibn Hazm.

Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Saurah at-Tirmidzi. (2011). *Sunan Tirmidhi*. Lebanon: Dar al-kotob al-ilmiyah.

Abi Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad Al-Ghazali. (2011). *Ihyā' 'Ulumuddin*. Jeddah: Darul Minhaj Linnasyri Watta'uzi'.

Abu Hamid al-Ghazali. (1987). *Al-Halāl wa al-Harām*. Beirut: Darul jil.

al-Bukhari Muhammad bin Ismail bin Ibrahim. (2011). *Shāḥiḥ Bukhāri*. Qaherah: Darl Agtisom.

Muhammad bin Muhammad Abu Hamid al-Ghazali. (1990). *Mukhtasar Ihyā' 'Ulūmuddin*. Beirut: Mu-assasatul kutubis saqafiyyah.

Muhammad bin Abdullah al-Hakim Naisaburi. (2006). *Al-Mustadrak*. Beirut: Dar el-marefah.

Waliyyuddin al-Basir. (2010). *Al-Nihāyah sharah matn al-Gāyah wal-Taqrīb*. Lebanon: Dar al-Kotob al-Ilmiyah.

Zakiyuddin Abdul-‘Adzim bin Abdul-Qowi Al-Mundziri. (2001). *Tarhib wa Tarhib min al-Ḥadith Sharif*. Beirut: Dar ibn Hazm.

Rujukan Inggeris

Ghazzali. (1993). *Ihya Ulum-id-din*. Pakistan: Darul-Ishaat.

Rujukan Melayu

Abdulhamid Zahwan. (1995). *Keutamaan mencari rezeki yang halal dan tercelanya rezeki yang haram*. Solo: Cv. Pustaka Mantiq.

Abd Latif Muda dan ustazah Rosmawati Ali@Mat Zin. (2000). *Perbahasan kaedah-kaedah Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka salam sdn bhd.

Abdullah bin Muhammad bin Abdurahman bin Ishaq Al-Sheikh. (2004). *Tafsir Ibnu Katsir*. Bogor: Pustaka Imam Syafi’i.

Abror dan Mashadi. (2012). *Konsep Halal Dan Haram Dalam Islam: Studi Komparatif Antara Fuqaha dan Imam Al-Ghazali*. Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel: Surabaya.

Abu Abdullah Muhammad bin Idris. (2005). *Ringkasan kitab al Umm*. Jakarta: Pustaka azzam anggota IKAPI DKI Jakarta.

Abu Ishaq Ibrahim bin Ali bin Yusuf al-Fairuzabadi. (2002). *Al-Muhazzab juz 1*. Malaysia: Perniagaan jahabersa.

Abu Syuja’ al-Ashfahani. (1981). *Kitab fiqh ringkas*. Bandung: Pustaka tarbiyah Jakarta.

Abu Zakariyya Yahya bi Syaraf An-Nawawi. (2007). *Raudhatuth Thalibin*. Jakarta: Pustaka azzam.

Ahmad Musthafa al-Farran. (2007). *Tafsir Imam Syafi’i*. Jakarta: Penerbit almahira.

Asy-Syafi’i. (2012). *Al-Umm (Kitab induk)*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.

Azizi Yahya, Peter Voo, Ismail Maakip dan Mohd Dahlan A. Malek. (2017). *Kaedah penyelidikan dalam pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Malaysia.

- Azman Ab Rahman. (2007). *Panduan Penentuan Makanan Halal Menurut Pandangan Ulama Serta Kesannya Terhadap Iks Muslim Di Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia: Negeri Sembilan.
- Ghazali. (2008). *Ringkasan Ihya Ulumuddin*. Jakarta: Akbar media eka sarana.
- Ghazali. (1988). *Ihya' Ulumiddin*. Singapura: Pustaka nasional pte ltd.
- Ghazali. (2011). *Ihya' 'Ulumiddin*. Jakarta: Republika penerbit.
- Ghazali. (2008). *Ringkasan Ihya Ulumuddin*. Jakarta: Penerbit akbar media.
- Ghazali. (2013). *Mukhtasar Ihya Ulumiddin*. Malaysia: Perniagaan jahabersa.
- Ghazali. (1992). *Ihya Ulumiddin*. Semarang: Penerbit cv asy-syifa' Semarang.
- Ghazali. (1982). *Ihya' Ulumiddin*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Ghazali. (1998). *Ihya' Ulumiddin*. Singapura: Pustaka nasional pte ltd.
- Ghazali. (2010). *Ringkasan Ihya' 'Ulumuddin*. Selangor: Berlian publications sdn bhd.
- Ghazali. (2006). *Bidayah al-Hidayah: Bimbingan menggapai hidayah*. Jakarta: Menara.
- Ghazali. (1998). *Pedoman orang takwa*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd Singapura.
- Ghazali. (2000). *Pedoman orang mukmin*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd Singapura.
- Ghazali. (1981). *Ajaran-ajaran akhlak*. Surabaya: al Ikhlas.
- Ghazali. (2003). *Ihya Ulumiddin*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Ghazali. (2011). *Ringkasan Ihya Ulumuddin*. Jakarta: Sahara publishers.
- Ghazali. (2011). *Menyingkap hati, menghampiri Ilahi: Ziarah Ruhani bersama Imam al Ghazali*. Indonesia: Pustaka hidayah.
- Ghazali. (2003). *Ihya' Ulumiddin*. Singapura: Pustaka Nasional pte ltd.
- Ghazali. (1982). *Ihya' Ulumiddin*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Ghazali. (2010). *Ringkasan Ihya' 'Ulumuddin*. Jakarta: Sahara publishers.
- Ghazali. (1986). *Timbangan amal menuju kebahagiaan akhirat*. Singapura: Pustaka nasional pte ltd.

- Ghazali. (2003). *Ihya 'Ulumiddin*. Moh Zuhri (terj.). Semarang: Cv Asy Syifa'.
- Husein Abdul Hamid. (2007). *Mukhtasar kitab al-Umm Imam al-Syafi'i*. Malaysia: Perniagaan jahabersa.
- Husin Abdullah. (1995). *Ringkasan Ihya Ulumuddin*. Pustaka Amani: Jakarta.
- Ibnu Rusyd. (2006). *Bidayatul mujtahid*. Jakarta: Pustaka azzam anggota IKAPI DKI.
- Ibnu Hajar Al Asqalani. (2008). *Fathul Baari*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Idris Ahmad. (2000). *Fiqh Syafii*. Kuala Lumpur: Pustaka antara.
- Kasmawati. (2014). Makanan Halal dan Tayyib Perspektif Al-Qur'an. Tesis Sarjana, Fakulti Usuluddin, UIN Alauddin Makassar.
- Lokman Ab. Rahman. (2002). *Produk halal: Kepenggunaan, teknologi & prosedur*. Melaka: Jabatan agama Islam Melaka (JAIM) dan majlis agama Islam Melaka (MAIM).
- Lokman Ab. Rahman. (2009). *Isu halal tiada penghujung*. Melaka: Alambaca Sdn Bhd & PKPU, JAKIM.
- Mohd. Nor bin Ngah. (1988). *Hasil karya dan penulisan al Ghazali*. Malaysia: Baitulmal w. persekutuan.
- Muhammad Arsyad al-Banjari. (2008). *Kitab Sabilal Muhtadin II*. Johor Bahru: Perniagaan jahabersa.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al- Bugho dan Ali Asy-Syarbaji. (2009). *Kitab Fikah mazhab Syafi'i*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al- Bugho dan Ali Asy-Syarbaji. (1999). *Kitab Fikah mazhab Syafie*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan Ali al-Syarbaji. (2009). *Al-Fiqh al-Manhaji mazhab al-Syafie*. Selangor: Darul Syakir enterprise.
- Muhammad Asy-Syarbini al-Khatib. (2008). *Al-Iqna' juz 1-2*. Malaysia: Perniagaan jahabersa.
- Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad-Dimasqi. (2010). *Mutiara Ihya' 'Ulumuddin*. Shah Alam: Illusion Network.
- Muhammad bin Idris al-Syafie. (2015). *Ensiklopedia Imam al-Syafie*. Selangor: al-Hidayah publication.

Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. (2010). *Sabil al-Muhtadin- korban, akikah, perburuan, sembelihan dan pemakanan*. Kuala Lumpur: Telaga biru sdn bhd.

Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan 'Ali al-Syarbaji. (2004). *Manhaj Fiqh al-Syafi'i*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri.

Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin. *Budaya Makanan Dan Pemakanan Halal Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Islam*. (2016). Penyelidikan tentang makanan: Perspektif Nabawi dan Sainifik. pp. 195-206.

Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan 'Ali al-Syarbaji. (2011). *al-Fiqh al-Manhaji Mazhab al-Syafi'i*. Malaysia: Jabatan kemajuan Islam Malaysia.

Muhammad Az-Zuhaili. (2009). *Al-Mu'tamad Fiqah Imam Syafi'i*. Selangor: Berlian publications sdn.bhd.

Muhammad Abid As-Sindi. (1996). *Musnad Syafi'i*. Bandung: Penerbit sinar baru algensindo Bandung.

Muchtar Ali. *Konsep Makanan Halal Dalam Tinjauan Syariah dan Tanggung Jawab Produk Atas Produsen Industri Halal*. (2016). Jurnal ahkam, 16(2). hlm. 291-306.

Mohd Rofaizal Ibrahim dan Muhamad Ismail Abdullah. *Kaedah Penentuan Syubhah Menurut Pandangan Imam Al-Ghazali*. (2018). 3rd Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference. hlm. 190-195.

Muhammad Nashiruddin al-Albani. (2009). *Shahih Al-Jami' Ash-Shaghir wa Ziyadatuhu*. Jakarta: Pustaka Azzam.

Othman Lebar. (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Malaysia.

Shaleh Ahmad Asy Syami. (2004). *Biografi Imam al Ghazali hujjatul Islam dan pembaru kurun ke 5 (450-505 hijrah)*. Kuala Lumpur: Jasmine enterprise.

Sidik Hj Baba. (1988). *Seminar al-Imam al-Ghazali dan sumbangannya*. Kuala Lumpur: Jabatan perdana Menteri.

Sidek bin T. Muda dan Ridzwan bin Ahmad. (2016). *Halal Haram Makanan Menurut Imam Syafi'i: Analisis Dari Perspektif Maqasid Al-Shari'ah*. University of Malaya: Kuala Lumpur.

Syafi'i. (2010). *Kitab Ar-Risalah Imam Syafi'i*. Selangor: Jasmin publications.

Syafi'i. (2012). *Tafsir ayat-ayat hukum Imam Syafi'i*. Jakarta: Pustaka azzam anggota IKAPI DKI Jakarta.

Syafi'i. (2012). *Fikih Imam Syafi'i*. Jakarta: Pustaka azzam.

Sucipto. *Halal Dan Haram Menurut Al- Ghazali Dalam Kitab Mau'idhotul Mukminin*. (2012). Jurnal asas. 4(1).

Taqiyuddin Abu Bakar bin Muhammad Alhusaini. (1993). *Kifayatul Akhyar (Kelengkapan Orang Saleh)*. Singapura: Pustaka nasional pte ltd.

Wahbah Zuhaili. (2008). *Fiqih Imam Syafi'i*. Jakarta: Almahira.

Wahbah Az-Zuhaili. (2011). *Fiqih Islam Wa adillatuhu*. Jakarta: Gema insani.

Wahbah al-Zuhaili. (1999). *Fiqh dan perundangan Islam*. Syria: Dar El Fikr.

_____. (2014). *Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya*. Negara Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.